

RM100 juta perkasa aset, operasi agensi penguat kuasa

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan peruntukan RM100 juta yang akan disalurkan tahun ini kepada semua agensi penguatkuasaan negara bagi tujuan perbelanjaan, terutama mengukuhkan kelengkapan dan menyokong operasi penguatkuasaan.

Perdana Menteri yang mengarahkan peruntukan terbabit segera diagih selewat-lewatnya minggu depan, turut mengumumkan kerajaan bersetuju melaksanakan kajian bagi memperkasa organisasi dan menambah baik laluan kerjaya kepada pegawai dan anggota penguatkuasaan.

"Saya minta Ketua Setiausaha Perbendaharaan melihat perkara ini (agihan peruntukan) dan menyegerakannya. Jika tak (diagihkan minggu depan), semua tolong beritahu saya," katanya berucap pada Program Cakna MADANI Perdana Menteri Bersama Agensi Penguatkuasaan, di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail; Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Anwar juga memaklumkan, kerajaan turut bersetuju menambah baik Elaun Pakaian Seragam bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) kepada kaedah bekalan Kemudahan Pakaian Seragam membatik enam agensi dengan implikasi kewangan RM5,502,780 setahun.

Agensi terbabit, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Penjara, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) serta Kementerian Perdagangan Dalam Ne-

geri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Perdana Menteri berkata, kerajaan memandang serius masalah dan ketidakselesaan dihadapi anggota penguat kuasa di lapangan disebabkan kekurangan yang ada.

"Selepas beberapa bulan melihat keadaan di lapangan, ada beberapa hal harus diberi pertimbangan, contohnya (isu) di sempadan, pegawai di sempadan dan perumahan. Saya hendak bagi keyakinan, janganlah sesekali fikir perkara ini tidak dapat perhatian (kerajaan)," katanya.